

**Jentera Penerangan Umno Beri Penekanan Tiga Objektif Utama
Bernama
26 Disember, 2012**

PUTRAJAYA, 26 Jan (Bernama) -- Jentera Penerangan Umno menggariskan pelbagai strategi dalam menghadapi pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) ini dengan memberi penekanan kepada tiga objektif utama iaitu berusaha memenangkan Barisan Nasional (BN) dengan mendapat dua pertiga majoriti, menawan empat negeri yang ditadbir pembangkang, dan menambah undi popular.

Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan berkata pelbagai aspek strategi dan objektif jentera dibincangkan dengan menyeluruh pada majlis Pemukiman Pemantapan Profesionalisme, Kelab Kebajikan dan Rekreasi Penerangan (KKRP) di Melaka yang berakhir awal minggu ini.

Bercakap pada persidangan media di pejabatnya di sini, Ahmad berkata pihaknya sudah membuat persiapan rapi dalam menghadapi PRU-13, dengan ruang gerak kerjanya bukan hanya bertumpu kepada sesi ceramah semata-mata, tetapi juga merangkumi kursus, bengkel, penyebaran makalah, gerak saraf, inisiatif media maya, majlis perjumpaan, penerangan dan sebagainya.

"Semua persiapan sudah dibuat, ada gerak kerja yang sedang digerakkan, di samping masih ada ruang untuk merancang lagi apa yang akan dilaksanakan, dan semua ini akan hanya berakhir pada hari keputusan pilihan raya diumumkan nanti," katanya pada satu persidangan media di pejabatnya di sini.

Dari segi memenangi dua pertiga majoriti, Ahmad Maslan berkata, beliau yakin ia boleh dicapai kerana BN hanya perlu memenangi paling minimum lapan kerusi lagi untuk ditambah kepada 140 kerusi yang dimenangnya pada PRU-12, bagi mencapai jumlah dua pertiga daripada 222 kerusi yang dipertandingkan, dengan syarat tiada pihak yang bertindak 'mensabotaj' parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=917625>